



Headline	Pemakanan untuk perkembangan mental		
MediaTitle	Pa&Ma		
Date	10 Feb 2015	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	175	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,857
Frequency	Monthly	PR Value	RM 8,571



Sana Sini

Pemakanan untuk perkembangan mental

Pakar di dalam bidang psikologi, pemakanan dan pediatrik menasihati para ibu bapa di Malaysia untuk menyediakan pemakanan yang sesuai dengan keperluan setiap peringkat tumbesaran kognitif anak-anak bagi mengoptimumkan sokongan pemakanan untuk perkembangan mental yang sihat. Pendapat ini telah dikongsi melalui prelu kepada bengkel 'Tahap Kebijaksanaan – Kebaikan Nutrisi untuk Perkembangan Bijak Si Manja' yang diadakan pada Januari 2015.

Turut menyokong pandangan ini ialah Dr. Alvin Ng Lai Oon, Profesor Madya di Jabatan Psikologi Universiti Sunway; Profesor Dr. Poh Bee Koon, Ketua Program Sains Pemakanan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); dan Dr. Yong Junina Fadzil,

Penasihat Pediatrik. Ketiga-tiga pakar ini merupakan penceramah bengkel yang direka khas untuk berkongsi dengan ibu bapa mengenai perkembangan otak anak-anak yang sedang meningkat dewasa; perkembangan dan pencapaian mereka; dan kepentingan menyediakan nutrien penting di setiap peringkat tumbesaran bagi menyokong perkembangan mental kanak-kanak.

Anja Henze, Pengarah Pemasaran Dutch Lady Malaysia berkata: "Salah satu penemuan penting kajian SEANUTS atau Southeast Asian Nutrition Surveys iaitu kajian kesihatan dan pemakanan yang dijalankan terhadap kanak-kanak di empat buah negara termasuk Malaysia, menunjukkan bahawa tahap IQ (Intelligence Quotient) atau prestasi kognitif kanak-kanak dipengaruhi oleh status pemakanan mereka. Dutch Lady

Malaysia sebagai syarikat tenusu terulung menyedari keperluan untuk berkongsi bersama ibu bapa tentang pemakanan dari perspektif perkembangan mental anak-anak".

Antara panel lain yang berkongsi nasihat dan pandangan ialah Dr. Ng, yang juga merupakan Penyiasat Perkembangan Kognitif untuk kajian SEANUTS dan Profesor Dr. Poh, selaku Penyelidik Utama SEANUTS Malaysia.

